



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI**  
**KOD KURSUS : DSM2113**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

***ARAHAN KEPADA CALON***

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (80 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*Kertas soalan ini mengandungi 6 muka surat termasuk kulit hadapan*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan.

Syarikat FTISB merupakan satu-satunya syarikat seumpamanya di Malaysia yang mengamalkan konsep pengurusan hijau dan perniagaan mesra alam serta selamat kepada pengguna dan menjadi model kepada syarikat-syarikat lain untuk menerokai bidang sama yang masih baharu dan berpotensi besar di negara ini. Bangunan ibu pejabatnya terletak di Piasau Utara. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) merangkap Pengarah Urusan FTISB, Tuan Masation Maran mempunyai minat terhadap alam sekitar yang sangat mendalam. Beliau berkata penerokaan konsep yang mesra alam adalah perkara baharu di syarikat ini dan perlu dibangunkan kerana mempunyai potensi yang besar untuk berkembang dan mampu memberi saingan kepada syarikat-syarikat lain yang sedia ada namun tanpa sistem pengurusan hijau.

Penerokaan oleh syarikat ini adalah konsep yang terkini yang belum lagi diadaptasikan oleh mana-mana syarikat di negara kita dalam industri minyak dan gas. Semua kerja-kerja memprosesan yang dijalankan oleh syarikat ini, dalam proses hijau iaitu mesra alam. Kepekaan terhadap pentingnya untuk menjaga alam sekitar membuatkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di FTISB menitikberatkan tentang kepentingan penghijauan dan mesra alam dalam kalangan pekerja dan di persekitaran syarikat. Pemegang kepentingan syarikat seperti kerajaan dan pelanggan amat berharap agar Syarikat FTISB mengambil tindakan yang sewajarnya agar usaha untuk menjadi syarikat mesra alam berjaya.

Untuk merealisasikan keadaan ini, Syarikat FTISB menggalakkan pekerjaanya untuk mengurangkan penggunaan kertas, bahan buangan dan sisa lain di segenap pelusuk syarikat. Walau bagaimanapun, satu tinjauan yang dilakukan ke atas pekerja mendapati mereka tidak menghargai usaha untuk menyelamatkan alam sekitar dan tidak tahu cara-cara untuk “mengurang,

mengguna semula dan mengitar” bahan buangan tersebut. Tanpa komitmen pekerja untuk melaksanakan program tersebut, besar kemungkinan usaha Syarikat FTISB untuk menjadi syarikat mesra alam hanya tinggal impian sahaja. Syarikat FTISB menggaji beratus-ratus orang pekerja. Jumlah pekerja yang ramai menyukarkan lagi komunikasi antara mereka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), syarikat FTISB akan menjadi model kepada syarikat-syarikat lain untuk menerokai bidang sama yang masih baharu dan berpotensi besar di negara ini jika perkerjanya memberi kerjasama dengan baik dalam usaha mengamalkan konsep mesra alam tersebut. “la sekali gus memberikannya peluang yang lebih besar berbanding saingan mereka, kerana mereka memiliki dan menghasilkan satu-satunya produk cat mesra alam yang diiktiraf oleh kerajaan dan telah diberi Sijil GreenTAG oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia pada April 2014,” tambahnya.

## SOALAN

- a. Kenal pasti **lima (5)** cabaran Syarikat FTISB dalam mengamalkan konsep pengurusan hijau dan perniagaan mesra alam.

(5 markah)

- b. Pada pendapat anda, apakah **lima (5)** peranan serta tanggungjawab Syarikat FTISB, pekerjaanya dan kerajaan dalam usaha mengamalkan konsep pengurusan hijau dan perniagaan mesra alam?

(15 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Huraikan **empat (4)** fungsi struktur organisasi dalam menyusun komponen-komponen atau unit-unit kerja dalam sebuah organisasi.

(12 markah)

*“Seorang doktor memberitahu Ali bahawa tahap kolesterolnya meningkat Ali mungkin menyalahkan faktor-faktor yang berada di luar kawalannya seperti pengaruh genetik atau alam sekitar. Tetapi bagaimana pula dengan persepsi orang lain? Dalam situasi ini, orang lain akan mengaitkannya dengan perkara-perkara seperti pemakanan yang kurang baik dan kurang senaman. Dalam erti kata lain, apabila keadaan itu berlaku kepada diri Ali, masalah tersebut adalah di luar kawalannya, tetapi persepsi orang lain mengatakan itu adalah salah Ali sendiri.”*

- b. Bincangkan **empat (4)** langkah untuk mengurangkan kesan negatif bias persepsi.

(8 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan **empat (4)** kaedah yang boleh diambil oleh pengurus dalam mengawal tingkah laku pekerja.

(12 markah)

*“Pengikut menganggap pemimpin karisma ini sebagai pahlawan dan penyelamat. Mereka sentiasa mengharapkan pemimpin bersifat karisma terutama apabila berhadapan dengan keadaan tertekan, kejutan budaya, takut atau tegang semasa menghadapi krisis identiti” (Othman, 1994).*

**Petikan 1**

- b. Terangkan ciri-ciri kepimpinan karisma yang berupaya memberi inspirasi kepada pengikutnya.

(8 markah)

**SOALAN 3**

- a. Jelaskan **empat (4)** asas kuasa rasmi berdasarkan kedudukan seseorang dalam organisasi.

(8 markah)

- b. Pada pendapat anda, apakah **empat (4)** fungsi utama komunikasi dalam sesebuah organisasi?

(12 markah)

**SOALAN 4**

- a. Pengambilan keputusan kumpulan telah menjadi amalan biasa kerana amalan ini memberi penyelesaian yang lebih baik kepada masalah ketika ahli-ahli kumpulan berkongsi idea dan pendapat. Huraikan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kelemahan dalam membuat keputusan secara kumpulan.

(8 markah)

**TEKANAN DI TEMPAT KERJA**

Kini, sememangnya terdapat peningkatan ketara masalah berkaitan tekanan perasaan di tempat kerja. Peningkatan itu disebabkan tekanan hidup yang semakin mencabar, terutamanya di kawasan bandar-bandar besar. Perlu diingatkan, pekerja yang tertekan bukan sahaja akan memperlahankan produktiviti, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan dan kecederaan di tempat kerja.

Diterbitkan: July 31, 2017 4:33 PM Utusan Malaysia

**Petikan 2**

- b. Pada pendapat anda, apakah **empat (4)** faktor yang menyebabkan tekanan perasaan semakin meningkat di tempat kerja?

(12 markah)

**[80 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**